

Tahap Kerelevanansi Isi Kandungan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab Mengikut Persepsi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di USIM

Relevance Level of the Arabic Essay Writing Skills Module Contents According to The Perception of Bachelor in Arabic Language Undergraduates in USIM

Mohamad Rofian Ismail

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor, Malaysia
mohdrofian@kuis.edu.my

Muhamad Daoh

Faculti Sains Sosial dan Pendidikan, Universiti Selangor, Malaysia
muhammad66@unisel.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pandangan pelajar sarjana muda di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam bidang Bahasa Arab dan Komunikasi terhadap tahap kerelevanansi isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab yang digunakan dalam mempelajari kemahiran mengarang. Sebanyak 30 orang responden daripada kumpulan rawatan yang telah menggunakan modul tersebut selama tujuh minggu diambil sebagai sample kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Product and Service Solutions (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Tatacara penganalisaan data dalam kajian ini bersandarkan kepada, interpretasi skor min oleh Jamil Ahmad (1993). Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati nilai min yang diperoleh untuk 10 item yang dikaji berada pada skor min yang tinggi iaitu 4.30 ($SP=0.609$). Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan bahawa modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab pada pandangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab & Komunikasi USIM mempunyai tahap kerelevanansi isi kandungan yang tinggi dan sesuai dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran modul menulis karangan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Tahap kerelevanansi, kandungan, karangan Bahasa Arab, pelajar USIM

Abstract

This study was conducted to examine the views of undergraduate students at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) in the field of Arabic Language and Communication on the level of relevance of the content of the Arabic essay writing skills module used in learning composing skills. A total of 30 respondents from the treatment group who had used the module for seven weeks were taken as the study sample. The data obtained were analyzed using Statistical Product and Service Solutions (SPSS) version 22.0. A simple descriptive analysis method that is the mean score of the analysis is used to obtain the findings of the study. The data analysis procedure in this study is based on the interpretation of the mean score by Jamil Ahmad (1993). The findings

of the study as a whole found that the mean value obtained for 10 items studied was at a high mean score of 4.30 (SP = 0.609). These findings indirectly describe that the Arabic essay writing skills module in the view of USIM Bachelor of Arabic Language & Communication students has a high level of content relevance and suitable in teaching and learning activities of Arabic essay writing module in institutions of higher learning.

Keywords: Relevance Level, Content, Arabic Essay, USIM Student

LATAR BELAKANG KAJIAN

Isi kandungan modul merupakan komponen utama dalam sesebuah modul. Modul yang baik semestinya mempunyai isi kandungan yang menepati setiap objektif dan hasil pembelajaran yang telah digariskan.

Menurut Jonassen et al. (1985), Modul yang baik ialah modul yang mempunyai susunan perancangan secara berperingkat dan bersistematik dari sudut pemilihan tajuk dan juga penyampaian isi kandungan. Hal ini dapat membimbing dan membantu pelajar menggunakan modul tersebut secara kendiri selain mereka dapat memanfaatkan penggunaannya secara akses kendiri dan mengikut kemampuan sendiri. Dalam masa yang sama, mereka pastinya berasa selesa dan bersemangat mempelajari modul tersebut seterusnya dapat meningkatkan penguasaan dalam subjek yang dipelajari dengan tersusun, terancang dan berpandu.

Rusydī 'Ahmad Tu'īmat (1997) menyatakan lima ciri-ciri asas yang utama dalam membina modul. Perkara pertama yang perlu ada ialah validity iaitu kesahan pada modul yang dibina. Keduanya ialah significant iaitu sejahteran modul yang dibina mempunyai nilai signifikannya yang tersendiri. Seterusnya ialah interest iaitu kepentingan yang ada pada modul. Berikutnya ialah learnability iaitu dari sudut keupayaan pembelajaran pelajar menggunakan modul tersebut dan yang terakhir ialah universality iaitu modul mestilah bersifat lengkap dan menyeluruh. Selain itu, beberapa aspek lain perlu diberi perhatian dalam pembinaan modul iaitu aspek bahasa (Lughawīy), kesusastraan ('Adabīy), kebudayaan (Thaqāfīy) dan sosial (Ijtimā'īy). Keempat-empat aspek ini mempunyai keterkaitan yang sangat rapat antara satu sama lain mengikut tahap dan peringkat pengajian seseorang pelajar.

Modul menulis karangan bahasa Arab sepatutnya perlu mengandungi pelbagai aspek dan kriteria kandungan yang relevan dan sesuai dipelajari oleh pelajar berdasarkan tahap pembelajaran menulis masing-masing iaitu bermula dari asas, seterusnya pertengahan dan yang terakhir pada

peringkat lanjutan. Dari sudut pengajaran modul pula, perkara yang paling utama ialah bagaimana isi kandungan modul memberi impak yang positif kepada pencapaian pelajar? Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat sejauhmana kesesuaian dan kerelevanansi komponen kandungan modul kemahiran mengarang bahasa Arab pada pandangan pelajar Sarjana Muda bahasa Arab & Komunikasi USIM.

PERBINCANGAN LITERATUR KAJIAN

Moon (1988) mendefinisikan modul sebagai satu aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai tempoh atau jangka masa yang telah dirancang. Ia mengandungi unit pembelajaran yang lengkap, tersusun dan teratur. Modul dan buku masing-masing memainkan peranan penting dalam memudahkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu subjek yang dipelajari.

Terdapat banyak buku dan modul yang dikarang oleh penulis tempatan dan penulis Arab berkaitan penulisan karangan Bahasa Arab. Buku dan modul ini telah memberi sumbangan yang banyak kepada pelajar di Malaysia sebagai rujukan mereka dalam menguasai kemahiran menulis khususnya penulisan karangan Bahasa Arab. Sebagai contoh buku *al-Kitābat al-Wazīfiyyat* Wa *al-Ibdā'iyyat*, *al-Majālāt*, *al-Mahārāt*, *al-Ansyiṣat* yang dikarang oleh Māhir Syāban ’Abdul Bārīy (2010) telah memaparkan bentuk dan jenis karangan bahasa Arab. Terdapat juga teknik dan strategi pengajaran yang sesuai dengan kriteria pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Penjelasan isi kandungan dalam buku ini disusun secara teori dan praktikal mengikut tahap pembelajaran pelajar. Antara kandungan yang menarik dalam buku ini ialah penulisan karangan rasmi dan karangan kreatif beserta latihan-latihan pengukuhan. Selain itu, dimasukkan juga beberapa contoh penulisan karangan mengikut format yang pelbagai bentuk yang diambil dari akhbar kemudian digunakan secara meluas dalam dunia Arab. Hakikatnya, buku ini pada pandangan pengkaji amat sesuai digunakan oleh penutur jati bahasa Arab kerana kosa kata, laras bahasa dan isi kandungan dalam buku ini didapati kurang sesuai dengan pelajar Malaysia.

Namun begitu, pengkaji mendapati buku *Al-Lughat Al-‘Arabiyyat Li Al-Marhalat Al-Jāmi‘iyyat*, *Al-Qirā’at* Wa *Al-Kitābat* karangan Nazifah Mohd. Said, Hisomuddin Ahmad, Nur Hafizah Abdul Aziz (2014) lebih sesuai menepati citarasa dan keperluan pelajar peringkat universiti dalam kemahiran menulis karangan. Hal ini kerana, pelajar peringkat universiti

didedahkan dengan dua kemahiran dalam satu masa iaitu kemahiran membaca dan menulis. Tambahan pula, buku ini mendapat sentuhan daripada pengarang tempatan yang amat jarang berlaku di Malaysia dalam penghasilan buku Bahasa Arab. Buku ini ditulis dengan memasukkan elemen hubungkait antara dua kemahiran. Pelajar diajar kemahiran membaca dan menulis melalui pelbagai aktiviti dan latihan pengukuhan dan penilaian. Manakala kandungan kemahiran menulis difokuskan kepada aspek membina ayat sehingga menghasilkan sebuah karangan lengkap mengikut tatacara penulisan secara teori dan praktikal. Buku ini telah digunakan di peringkat pengajian tinggi dan terbukti Berjaya meningkatkan kemahiran membaca dan menulis pelajar.

Teknik Efektif Penulisan Bahasa Arab merupakan tajuk buku yang dikarang oleh Rozuki Arifin dan Marzuki Manan (2011). Buku ini telah menjadi pemudahcara kepada tenaga pengajar mahupun pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis secara akses kendiri. Pengarang telah menghasilkan satu idea yang unik pada isi kandungan buku ini. Buku ini amat sesuai digunakan oleh pelajar yang bukan penutur asli bahasa Arab. Persembahan yang terdapat dalam buku ini begitu menarik disebabkan terdapat penggunaan dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Corak dan rekabentuk pada buku ini telah memudahkan pelajar memahami setiap fasa-fasa penulisan bermula dengan binaan perkataan seterusnya frasa, kemudian binaan ayat, diikuti dengan binaan perenggan-perenggan yang akhirnya menghasilkan satu karangan lengkap. Antara kandungan yang terdapat dalam buku ini ialah penyeragaman penggunaan istilah-istilah dalam sistem bahasa Arab dengan istilah istilah dalam sistem bahasa Melayu.

Manakala Marzuki Manan (2014), melalui tajuk bukunya iaitu ‘Contoh-Contoh Karangan Bahasa Arab’ telah menghimpunkan dan memberi fokus kepada jenis-jenis karangan mudah bahasa Arab seperti karangan berbentuk bibliografi, karangan bersifat catatan perjalanan (Trevelog), karangan mengutarakan pendapat, karangan berbentuk laporan, karangan yang mengandungi kata-kata hikmah dan berkaitan dengan syair-syair Arab. Karangan yang dimuatkan dalam buku ini didapati mesra pelajar kerana laras bahasa yang digunakan sangat mudah dengan amat sesuai dengan tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar peringkat menengah di Malaysia. Isi kandungan buku dipersembahkan secara santai dan tersusun bermula dengan topik yang paling mudah kepada topik yang paling sukar. Buku ini juga memberi fokus kepada penggunaan frasa kata nama dan frasa kata sifat pada setiap topik yang dipelajari. Terdapat penggunaan dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Arab yang memudahkan pelajar memahami setiap kandungan buku dengan baik. Buku ini mengandungi 119 tajuk karangan

pendek bahasa Arab.

Pengkaji melihat seorang penulis iaitu Ibrahim Shamsuddin, (2004) dalam bukunya bertajuk ‘Marja‘ al- Ḥullab fī Taysīr Al-’Inṣyā’. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat’ cuba membawa pendekatan terkini dengan proses pengajaran karangan Bahasa Arab. Beliau melalui bukunya memberi fokus kepada pengajaran asas mengarang bagi pelajar peringkat sekolah rendah di negara Arab. Kebanyakkannya kandungan buku adalah berbentuk penulisan karangan deskriptif dan penceritaan. Terdapat dalam buku ini corak dan bentuk aktiviti latihan yang bersifat intensif khususnya dalam menghasilkan karangan Bahasa Arab. Tatacara dan prosidur mengarang dipersembahkan kepada pelajar dalam usaha membimbing mereka menguasai kemahiran mengarang. Buku ini didapati amat sesuai bagi penutur asli bahasa Arab tetapi penambahbaikan perlu dilakukan pada teknik, corak dan kaedah persembahan buku ini sekiranya ingin disesuaikan dengan tahap penguasaan pelajar yang bukan penutur jati bahasa Arab di Malaysia.

Al-’Usus al-Fannīyyaṭ Li al-Kitābaṭ Wa Al-Ta‘bīr oleh Fakhrīyy Khalīl al-Najjār (2011) pula memperihalkan teknik menulis karangan secara teori yang diperkenalkan oleh pakar bahasa dari timur tengah dan barat dengan memasukkan elemen asas penulisan pada tahap pra-menulis sehingga ke tahap pertengahan dan lanjutan. Buku ini dianggap panduan asas dalam menulis perenggan-perenggan karangan selain menekankan aspek-aspek ’Imla’, ciri-ciri penulisan yang baik, prosedur penulisan karangan, penulisan karangan mengikut bentuk dan jenis dan sebagainya. Terdapat sebelas tajuk utama dalam buku ini yang merangkumi secara khusus prinsip dan asas utama dalam penulisan karangan. Pada pandangan pengkaji, buku ini didapati kurang sesuai dengan tahap penguasaan pelajar tempatan kerana pemilihan dan penggunaan kosa kata, uslub dan struktur bahasa Arab yang agak tinggi dan jauh menjangkaui pemahaman pelajar di Malaysia.

Buku ‘al-Ta‘bīr al-Madrasīyy ’yang dikarang oleh Abdul Latīf Saīd, (tt) telah memasukkan prosedur menulis karangan bahasa Arab dari perenggan ke perenggan untuk pelajar sekolah peringkat menengah. Antara teknik dan kaedah penulisan karangan yang diberi penekanan ialah teknik merancang, membina idea, menyokong isi dan menghasilkan karangan. Kesemua Teknik dan kaedah dapat membimbing pelajar mahir dalam menulis karangan dengan pantas, cepat dan berkesan. Penulisan awalan adalah melalui binaan ayat menggunakan perkataan dan ungkapan yang diberikan. Buku ini dianggap seolah-olah modul penulisan karangan berpandu yang membimbing pelajar mempelajari kemahiran menulis secara kendiri. Justeru, pelajar tidak lagi

memerlukan bantuan guru kerana ia lengkap dengan ilustrasi jadual, gambar dan imej yang dapat memberi kefahaman secara tidak langsung kepada pelajar dengan ringkas dan mudah. Umumnya, buku ini mengandungi tajuk yang pelbagai seperti majlis sambutan, upacara-upacara sosial, kemasyarakatan dan permasalahan social dan nilai-nilai akhlak. Secara ringkasnya, buku ini amat sesuai digunakan oleh penutur jati bahasa Arab, namun begitu, beberapa tajuk lain seperti pemilihan kosa kata dan langkah langkah membina karangan yang terdapat dalam buku ini amat sesuai dipelajari oleh pelajar Malaysia dengan syarat tajuk-tajuk tersebut dibuat pengubabsuaian yang dapat menepati tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar dan objektif pembelajaran mereka.

‘al-Ta‘bīr al-Fannīy’ yang dikarang oleh Muhammad Ghāzīy al-Tadammurīy (1999) amat sesuai digunakan oleh pelajar masa kini kerana ia merangkumi topik karangan bahasa Arab yang telah disesuaikan dengan kurikulum pendidikan abad 21. Hal ini kerana buku ini disediakan mengikut tahap penguasaan bahasa dan peringkat pengajian pelajar. Buku ini juga memasukkan beberapa teori dan model penulisan karangan yang dapat membantu pelajar mengarang secara berpandu dan dibimbing. Namun begitu, pada pandangan pengkaji, buku ini ditulis khusus kepada pelajar timur tengah. Hal ini kerana penjelasan dan keterangan pada isi kandungan yang terdapat dalam buku ini amat sukar difahami oleh pelajar tempatan. Bagi menyesuaikan aras pemahaman buku ini dengan pelajar Malaysia peringkat universiti, pengkaji merasakan setiap topik yang terdapat dalam buku perlu diperhalusi dan diseragamkan dengan sukanan pelajaran kemahiran menulis agar ia dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

’Iman al-Lihām dan Muhammad al-Hawlīy (2008), telah menghasilkan sebuah buku yang disediakan khusus kepada pelajar tempatan dalam mempelajari kemahiran menulis karangan bermula dari binaan ayat mudah sehingga penulisan keseluruhan karangan. Buku tersebut bertajuk ‘al-Ta‘bīr al-Kitābīy: Al-Kitāb al-Awwal’. Ini ialah satu-satunya buku yang memberi fokus kepada tajuk-tajuk yang penting dalam proses menulis karangan. Pada bahagian pertama buku ini banyak dinyatakan topik-topik penting seperti penggunaan tanda-tanda bacaan, penggunaan tanda wacana, kaedah penulisan ḥiwār, teknik penulisan surat, teknik membuat rumusan, teknik penulisan teks ucapan, teknik penulisan iklan, penulisan jenis deskriptif dan penulisan artikel. Namun begitu, didapati beberapa aspek yang perlu diberi perhatian iaitu yang berkaitan dengan laras bahasa, ketinggian gaya, pemilihan kosa kata dan pemilihan topik mengarang. Hal ini kerana aspek-aspek tersebut didapati tidak sesuai dengan tahap penguasaan kemahiran Bahasa Arab pelajar di Malaysia

Kitab ‘al-Wādiḥ Fī al-’Insyā’ al-‘Arabiyy’ merupakan hasil karangan Muhammad Razqan Al-Farah (2007). Buku ini menjelaskan kaedah dan teknik penulisan karangan bagi penutur jati bahasa Arab di negara timur tengah. Secara ringkasnya, didapati buku ini sesuai untuk dijadikan panduan penulisan karangan Bahasa Arab di peringkat menengah dan universiti. Hal ini isi kandungannya yang menyeluruh merangkumi keseluruhan tajuk kemahiran menulis. Pada bahagian pra-menulis, terdapat tajuk asas yang perlu dipelajari oleh pelajar iaitu cara membina ayat dengan mudah menggunakan kosa-kata yang sesuai. Manakala pada bahagian yang berikutnya terdapat topik penting yang memberi fokus kepada Teknik atau kaedah menghasilkan menghasilkan idea utama dan idea sokongan. Melalui Teknik ini, pelajar didedahkan dengan cara binaan dan pengembangan ayat secara berpandu. Walaupun begitu, isi kandungan yang digunakan dalam buku ini perlu dibuat beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan agar ia dapat disesuaikan dengan tahap penguasaan pelajar universiti di Malaysia.

Secara kesimpulannya, buku dan modul kemahiran menganjur bahasa Arab yang dibina, seterusnya dibangunkan perlu diberi perhatian terhadap kriteria-kriteria utama yang diperlukan dalam pembangunan modul seperti keperluan dan kehendak pengguna sasaran iaitu pelajar di Universiti Awam yang mengambil jurusan bahasa Arab. Selain itu, aspek-aspek lain seperti kecenderungan pelajar, keinginan dan citarasa mereka dalam mempelajari kemahiran menulis perlu juga diambil kira.

METODOLOGI KAJIAN

Muslim Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 30 orang responden iaitu pelajar sarjana muda bahasa Arab & Komunikasi dari kumpulan rawatan di USIM dipilih sebagai sampel kajian. Mereka telah melalui tujuh minggu pengajaran dan pembelajaran bermodul menggunakan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab (M-KMKBA) yang dibina oleh pengkaji. Mereka juga telah melalui ujian pra dan pasca berkaitan penulisan karangan bahasa Arab. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan satu set soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data tambahan sebagai menyokong dapatan kajian kuasi-eksperimen yang telah dijalankan. Data daripada instrumen soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Product and Service Solutions (SPSS) versi 22.0. Dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada analisis ini ditunjukkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analysis yang bersandarkan kepada Jamil Ahmad (1993). Jadual 1.0 berikut menunjukkan interpretasi Skor

min analisis yang digunakan.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Min	
Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

ANALISIS KAJIAN

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 10 item yang berkaitan dengan kerelevan isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

Jadual 1.1 : Interpretasi Min Kerelevan Isi Kandungan Modul

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya berminat dengan reka bentuk dan corak isi kandungan modul.	0 0%	0 0%	2 6.7%	10 33.3%	18 60.0%	4.53	0.629	Tinggi
Saya sukar mengikuti dan menguasai beberapa aspek kemahiran mengarang dalam modul ini.	8 26.7%	9 30.0%	12 40.0%	1 3.3%	0 0%	2.20	0.887	Rendah
Tahap pencapaian kemahiran Bahasa Arab saya sangat relevan dengan topik yang dipelajari	0 0%	0 0%	3 10.0%	11 36.7%	16 53.3%	4.43	0.679	Tinggi
Saya dapat menguasai kemahiran bahasa lain setelah mempelajari Kemahiran mengarang dalam modul ini.	0 0%	0 0%	0 0%	18 60.0%	12 40.0%	4.40	0.498	Tinggi
Kemahiran mengarang saya meningkat setelah mempelajari model kerangka karangan dalam modul ini.	0 0%	0 0%	0 0%	14 46.7%	16 53.3%	4.53	0.507	Tinggi
Saya mudah memahami teknik mendapatkan idea utama dan idea sokongan dalam modul ini kerana ia sangat menarik	0 0%	0 0%	2 6.7%	7 23.3%	21 70.0%	4.63	0.615	Tinggi
Tahap penulisan karangan saya telah meningkat setelah mempelajari langkah-langkah membina perenggan karangan dalam modul ini	0 0%	0 0%	1 3.3%	13 43.3%	16 53.3%	4.50	0.572	Tinggi

Tahap Kerelevan Isi Kandungan Modul Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Arab

	0	0	0	5	25	4.83	0.379	Tinggi
Saya mudah memahami modul ini kerana grafik, gambarajah dan jadual pada isi kandungan modul sangat menarik	0% 0	0% 0	0% 0	16.7% 5	83.3% 25			
Tahap penguasaan bahasa Arab saya amat sesuai dan menepati aspek tatabahasa dan <i>stylistic</i> (gaya bahasa)	0% 0	0% 0	3.3% 1	43.3% 13	53.3% 16	4.50 4.83	0.572 0.379	Tinggi
Tahap penguasaan bahasa Arab saya menepati penggunaan kosa kata yang terdapat dalam modul ini	0% 0	3.3% 1	3.3% 1	36.7% 11	56.7% 17	4.47 4.50	0.730 0.572	Tinggi
Min Keseluruhan						4.30	0.609	Tinggi

Jadual 1.1 menunjukkan setiap item untuk kerelevan isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab berdasarkan pandangan pelajar. Secara keseluruhannya, nilai skor min keseluruhan sepuluh item yang dikaji berada tahap nilai min yang tinggi iaitu 4.30 (SP=0.609).

Didapati sembilan item memaparkan nilai skor min yang tinggi iaitu saya mudah memahami modul ini kerana grafik, gambarajah dan jadual pada isi kandungan modul sangat menarik (Min=4.83, SP=0.379), saya mudah memahami teknik mendapatkan idea utama dan idea sokongan dalam modul ini kerana ia sangat menarik (Min=4.63, SP=0.615), kemahiran mengarang saya meningkat setelah mempelajari model kerangka karangan dalam modul ini. (Min=4.53, SP=0.507), saya berminat dengan reka bentuk dan corak isi kandungan modul. (Min=4.53, SP=0.629), tahap penulisan karangan saya telah meningkat setelah mempelajari langkah-langkah membina perenggan karangan dalam modul ini (Min=4.50, SP=0.572). dan tahap penguasaan bahasa Arab saya amat sesuai dan menepati aspek tatabahasa dan *stylistic* (Min=4.50, SP=0.572).

Berikutnya ialah item-item seperti tahap penguasaan bahasa Arab saya menepati penggunaan kosa kata yang terdapat dalam modul ini (Min=4.47, SP=0.730), tahap pencapaian kemahiran Bahasa Arab saya sangat relevan dengan topik yang dipelajari (Min=4.43, SP=0.679) dan item saya dapat menguasai kemahiran bahasa lain setelah mempelajari Kemahiran mengarang dalam modul ini. (Min=4.40, SP=0.498). Walaupun demikian, hanya terdapat satu item yang memperoleh nilai skor min yang rendah iaitu saya sukar mengikuti dan menguasai beberapa aspek kemahiran mengarang dalam modul ini (Min=2.20, SP=0.887). Walaupun nilai skor min yang diperoleh rendah, tetapi dapatan pada item kajian ini menunjukkan seseuatu yang positif.

Dapatan ini memperihalkan bahawa pelajar yang mengikuti pembelajaran modul ini tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk menguasai semua aspek kemahiran menulis karangan yang telah mereka pelajari. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan yang positif kepada diri pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam masa masa ia bertindak sebagai modul kendiri yang mudah digunakan dan mesra pelajar.

Dari aspek peratusan persetujuan pelajar, terdapat tiga item menunjukkan persetujuan pelajar sebanyak 100% iaitu item yang kelapan saya mudah memahami modul ini kerana grafik, gambarajah dan jadual pada isi kandungan modul sangat menarik, item yang kelima kemahiran mengarang saya meningkat setelah mempelajari model kerangka karangan dalam modul ini dan item yang keempat iaitu saya dapat menguasai kemahiran bahasa lain setelah mempelajari Kemahiran mengarang dalam modul ini. Apa yang dapat dirumuskan di sini bahawa keseluruhan pelajar yang mengikuti pembelajaran modul ini berpandangan bahawa modul ini sangat menarik dan mudah difahami kerana kecantikan yang terdapat pada ilustrasi imej dan grafik pada rekabentuk yang digunakan. Mereka juga berpendapat bahawa kerangka model karangan dalam modul dipelajari telah berjaya menguasai kemahiran mereka dalam penulisan karangan selain membantu mereka meningkatkan kemahiran membaca dan kemahiran bertutur bahasa Arab.

Namun sebaliknya, enam item telah dikenalpasti mendapat jumlah peratusan persetujuan daripada pelajar yang melebihi 90%. Item-item tersebut ialah tahap penulisan karangan saya telah meningkat setelah mempelajari langkah-langkah membina perenggan karangan dalam modul ini (96.6%), saya mudah memahami teknik mendapatkan idea utama dan idea sokongan dalam modul ini kerana ia sangat menarik (93.3%), saya berminat dengan reka bentuk dan corak isi kandungan modul. (93.3), tahap penguasaan bahasa Arab saya amat sesuai dan menepati aspek tatabahasa dan stylistic (96.6%), tahap penguasaan bahasa Arab saya menepati penggunaan kosa kata yang terdapat dalam modul ini (93.4%), manakala item yang keenam iaitu tahap pencapaian kemahiran Bahasa Arab saya sangat relevan dengan topik yang dipelajari (90%). Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa modul ini telah memberi impak yang positif kepada pelajar sasaran dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab terutama dari sudut isi kandungan modul. Perkara ini dilihat relevan dan sesuai dengan responden yang dikaji iaitu pelajar di peringkat universiti.

Justeru, isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab mengikut pandangan pelajar USIM adalah relevan dan sesuai digunakan selain dapat membantu dan membimbing

pelajar meningkatkan kemahiran menulis dengan berkesan.

DAPATAN KAJIAN

Secara ringkasnya melalui analisis skor min yang diperoleh didapati isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab yang telah dipelajari oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi USIM mempunyai tahap kerelevan yang sangat tinggi dengan $\text{Min}=4.30$ ($\text{SP}=0.609$), terutama dalam aspek-aspek seperti reka bentuk dan corak isi kandungan modul ($\text{Min}=4.53$), jadual, gambarajah dan grafik yang sangat menarik dan mudah difahami dalam modul ($\text{Min}=4.83$), kerelevan topik atau isu yang diajar dengan tahap pencapaian kemahiran bahasa pelajar ($\text{Min}=4.43$), kemahiran mengarang dalam modul dapat membantu pelajar menguasai kemahiran bahasa lain ($\text{Min}=4.40$), Model kerangka karangan dalam modul membantu pelajar meningkatkan kemahiran mengarang ($\text{Min}=4.53$), teknik mendapatkan idea utama dan idea sokongan dalam modul sangat menarik dan mudah difahami ($\text{Min}=4.63$), langkah-langkah membina perenggan karangan dalam modul telah meningkatkan tahap penulisan karangan pelajar ($\text{Min}=4.50$), aspek tatabahasa dan stylistic(gaya bahasa) dalam modul yang sesuai dan menepati tahap penguasaan bahasa Arab pelajar ($\text{Min}=4.50$). dan tahap pemilihan dan penggunaan kosa kata dalam modul menepati keperluan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar ($\text{Min}=4.47$).

Dapatan yang diperoleh ini telah menunjukkan bahawa modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab mempunyai isi kandungan yang relevan dan sesuai dengan tahap penguasaan pelajar sarjana muda bahasa Arab di peringkat universiti di Malaysia.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Perbincangan dapatan kajian telah menghasilkan beberapa penyelesaian dan cadangan penambahbaikan berkaitan isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab bagi pelajar sarjana muda bahasa Arab di USIM. Berikut dinyatakan cadangan-cadangan tersebut :

1. Elemen kemahiran mengarang yang pelbagai perlu di masukkan ke dalam Modul kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat Universiti bagi meningkatkan keberkesanan pelajar dalam menguasai kemahiran mengarang.
2. Pihak penggubal modul di universiti perlu melakukan proses semak dan imbang pada isi kandungan modul kemahiran menulis bahasa Arab. Aspek-aspek lain yang perlu diberi

perhatian ialah aspek teknik penyusunan topik iaitu bermula dari aspek yang paling senang kepada aspek yang tersangat sukar.

3. Pengkaji mencadangkan agar model-model binaan ayat dalam penulisan bermula dari model binaan ayat mudah hingga model merangka karangan perlu dipelbagaikan dan diperbanyakkan dalam modul.

PENUTUP

Kajian ini telah memenuhi objektif yang telah ditetapkan dengan mengkaji pandangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab & Komunikasi USIM terhadap kerelevan dan kesesuaian isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat kerelevan pada isi kandungan modul kemahiran menulis karangan bahasa Arab mengikut pandangan pelajar. Hal ini bermaksud modul yang dikaji adalah sesuai dengan citarasa, keperluan dan kehendak pelajar di peringkat universiti. Dengan adanya modul ini, diharap dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar dan tenaga pengajar dalam isu penulisan bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan kemahiran menulis karangan bahasa Arab di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu, pengkaji berharap agar di adakan kajian lain yang seumpamanya dalam usaha menangani masalah penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia.

Rujukan

- 'Abdul Latīf Saīd, (tt) al-Ta'bīr al-Madrasīyy. Dār Muhrat Li Al-'Ulum : Syria.
- Fakhrīyy Khalīl al-Najjār. (2011). al-'Usus al-Fannīyyat li al-Kitābat wa al-Ta'bīr. Dār Al-Şafa Publishing-Distributing : Amman Jordan.
- 'Ibrāhīm Shamsuddin. (2004). Marja' al-Ṭullab fī Taysīr al-'insyā'. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat : Lubnan.
- Jamil Ahmad. (1993). Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Jonassen, D. H., Peck, K. L. & Wilson, N. L. (1985). Learning Strategies: A new educational technology programmed . Learn & Educational Technology 22: (Halaman: 26-34).
- Māhir Syāban 'Abdul Bārīy. (2010) al-Kitābat al-Wazīfiyyat wa al-Ibdā'iyyat, al-Majālāt, al-Mahārāt, al-Ansyīyat, wa wl-Taqwīm. Dār Al-Masīrat :Amman.
- Marzuki Manan. (2014). Contoh-Contoh Karangan Bahasa Arab. Penerbitan Fargoes Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Moon, B. (1988). Introducing the modular curriculum to teachers. London ;Paul Chapman.

Muhammad Ghāzīy al-Tadammurīy. (1999) *al-Ta'bīr al-Fannīy*. Cetakan Kesembilan. Dār al-'Irsyād: Syria.

Muhammad Razqan Al-Farah. (2007). *al-Wādiḥ Fī al-'Insyā' al-'Arabiyy*. Cetakan Kedua. Damsyik: Syria.

Nazifah Mohd. Said, Hisomuddin Ahmad, Nur Hafizah Abdul Aziz. (2014). *al-Lughat al-'Arabiyyat li al-Marhalat al-Jāmi'iyyat, al-Qirā'at wa al-Kitābat*. UKM cetak: Selangor.

Rozuki Arifin & Marzuki Manan. (2011). *Teknik Efektif Penulisan Bahasa Arab*. Nadwa Enterprise, Cheras Selangor.

Rusydī 'Ahmad Tu'immat. (1997). *al-'Usus al-'āmah Limanāhij Ta'līm al-Lughat al-'Arabiyyat, I'dāduhā-Tatwīruhā-Taqwīmuhā*. Dār al-Fīkr al-'Arabiyy, Kaherah.